

Tiap-Tiap Orang Ada Mempunyai

Dua Buah Otak

Kalau saudara ada mempunyai dua belah tangan, dua kaki, dua telinga dan dua mata, mengapa pula tidak mempunyai dua buah otak?

Sebenarnya manusia itu mempunyai dua otak, yang satu sebelah kiri dan satu lagi di sebelah kanan.

Suatu penyelidikan cara baharu ke atas beberapa ekor binatang untuk percubaan dalam perkara ini telah dijalankan oleh beberapa orang para penyelidik. Seekor binatang yang baharu lahir, separuh otaknya telah mereka pisahkan. Bila besar lalu mereka bandingkan kelakuan dan watak binatang tersebut dengan jenis binatang yang seperti itu juga yang tidak dipisahkan otaknya.

Ternyata antara kedua binatang yang dipisahkan separuh otaknya dengan yang tidak dipisahkan itu ada perbezaannya yang nyata dalam kehidupannya sehari-hari pada tingkah laku dan wataknya.

Binatang yang sudah dipisahkan separuh otaknya itu tak dapat berjalan lurus, malahan berputar-putar kalau dia berjalan.

Dan manusia pula jika separuh otaknya mengidap sesuatu penyakit berlaku keganjilan pada kelakuannya. Dalam hal ini umpamanya ia akan kehilangan kesedaran kerana adanya separuh tubuhnya yang berhadapan dengan separuh otaknya yang menghidap sakit itu. Tak dapat ia mengibas-ngibaskan badannya bahkan meraba pun tak dapat yang seolah-olahnya ada dinding yang menahan pada separuh badannya yang lain.

Penyelidikan sekarang ini sedang berjalan terus untuk mempelajari hubungan-hubungan dua belah otak itu dengan pergerakan manusia dan kehendak-kehendaknya. Dan mempelajari sejauh mana pula kerjasama yang dilakukan antara kedua belah pihak otak tersebut.

Peralihan Suasana

(buat Malaya dan Indonesia)

Dulu... di bendang menyanyi senada

Di laut mengalun alunan sama

Di ladang menari gaya seirama

Di desa melukis potret sewarna.

Sungguh sedih... kini bertukar keadaan

Tali mesra terbenam dalam ke dasar lautan

Di bendang... kasih bertukar dek tempikan cacing

Insan membongkar diri dari mesranya ikatan

Antara anak dan bapa...

Antara keluarga dan keluarga

Antara masyarakat dan masyarakat

Dicerai jurang dalam, dihangusi api politik

Memusnah segala...

Sayang, hilang keindahan budi

Hilang kemanusiaan kemanisan mesra

Kerana kepentingan, kesenangan dan kemewahan satu budi

Memberikan insan lain terdera ditikam derita.

Mohaini Nor

Machang, Kelantan.

3.12.1962